

Bajet 2008

Bersama Bangunkan Negara Dan Nikmati Kemakmuran



Bersama
SALIHIN ABANG
CA (M), CFP, ATIL, B.ACC (IIUM)
Asna Tax Services Sdn Bhd
www.salihin.com.my

BAJET 2008 yang dibentangkan oleh Perdana Menteri, YAB Dato' Seri Abdullah Ahmad Badawi pada 7 September lalu merupakan bajet pertama selepas negara menyambut kemerdekaan yang ke-50. Ia disifatkan sebagai bajet pembangunan yang menyusun langkah dan strategi bagi menentukan era pembangunan negara untuk 50 tahun akan datang yang merangkumi semua aspek sosio-ekonomi.

Bajet kali ini memberi tumpuan kepada tiga strategi utama – mempertingkatkan daya saing negara, memperkasa pembangunan modal insan dan menjamin kesejahteraan rakyat. Dengan persekitaran ekonomi dunia yang dijangka lebih mencabar dan tidak menentu, pemberian pelbagai insentif dan sistem percukaian yang mesra perniagaan diharap akan menjadi dorongan kepada masyarakat peniaga untuk memperkukuhkan lagi perniagaan mereka. Berikut adalah antara insentif yang dicadangkan dalam Bajet 2008.

INDIVIDU

- Layanan Cukai ke atas Manfaat Persaraan Pekerja Swasta**
Bagi memberi layanan cukai yang sama terutamanya bagi pekerja wanita di sektor swasta, mulai tahun taksiran 2007, manfaat persaraan pekerja swasta dicadangkan diberi pengecualian cukai pendapatan sepenuhnya.
- Pengecualian Duti Setem ke atas Pembelian Rumah Kediaman**
Bagi menggalakkan pemilikan rumah kediaman, surat cara pindah perjanjian bagi pembelian sebuah rumah yang berharga tidak melebihi RM250,000.00 dicadangkan diberi pengecualian duti setem sebanyak 50 peratus. Pengecualian ini diberi untuk satu rumah sahaja kepada setiap individu dan berkuatkuasa bagi jual beli yang disempurnakan mulai 8 September 2007 hingga 31 Disember 2010.
- Pelepasan Cukai ke atas Pembelian Peralatan Sukan**
Dalam melahirkan masyarakat yang berbudaya bersukan, mulai tahun taksiran 2008, adalah

dicadangkan pelepasan cukai individu sehingga RM300.00 setahun diberi ke atas pembelian peralatan sukan dan senaman.

- Pelepasan Cukai Individu bagi Pengajian Peringkat Lepas Ijazah**
Mulai tahun taksiran 2008, dicadangkan pelepasan cukai sehingga RM5000.00 setahun diberi kepada semua bidang pengajian di peringkat pengajian lepas ijazah bagi menggalakkan pembelajaran yang berterusan.
- Pemberian Komputer Baru dan Yuran Langganan Jalur Lebar oleh Majikan kepada Pekerja**
Mulai tahun taksiran 2008 hingga tahun taksiran 2010, perbelanjaan yang dikeluarkan untuk memberi manfaat berbentuk komputer atau bayaran yuran langganan jalur lebar oleh majikan kepada pekerjanya dibenarkan sebagai potongan sejajar dengan hasrat kerajaan untuk meningkatkan akses jalur lebar.
- Pengecualian Cukai ke atas Dividen yang Diterima oleh Individu**
Mulai tahun taksiran 2008, segala dividen yang diterima oleh individu akan dikecualikan daripada cukai.
- Pengecualian Cukai ke atas Perolehan yang diterima oleh juru perunding bukan pemastautin yang mempunyai kepakaran dalam kewangan Islam.**
Untuk menggalakkan penyertaan pakar terkemuka antarabangsa di semua bidang kewangan Islam, semua perolehan yang diterima oleh juru runding bukan pemastautin akan dikecualikan dari cukai mulai 8 September 2007 hingga 31 Disember 2016.

KORPORAT

- Kajian Semula ke atas Kadar Cukai Pendapatan Korporat**
Bagi meningkatkan daya saing dan menggalakkan pelaburan lebih besar di kalangan sektor swasta, dicadangkan supaya kadar cukai korporat dikurangkan kepada 26 peratus untuk tahun taksiran 2008 dan 25

peratus untuk tahun taksiran 2009.

2. Kajian Semula Sistem Percukaian Syarikat

Bagi menjadikan cukai korporat lebih cekap dan mudah, sistem cukai pendapatan satu peringkat akan dilaksanakan mulai tahun taksiran 2008, di mana keuntungan hanya dikenakan cukai di peringkat syarikat, manakala dividen yang diterima dikecualikan daripada cukai.

3. Memansuhkan *Threshold* Cukai Pendapatan bagi Perkhidmatan Profesional, Perundingan dan Pengurusan

Bagi memudahkan penyedia perkhidmatan profesional, perundingan dan pengurusan mengutip cukai perkhidmatan serta mewujudkan persaingan yang sihat di antara penyedia perkhidmatan yang sama, adalah dicadangkan *threshold* bagi perkhidmatan-perkhidmatan dimansuhkan berkuatkuasa mulai 1 Januari 2008.

4. Pengecualian Duti Setem bagi Penggabungan dan Pengambilalihan Syarikat Tersenarai

Bagi menggalakkan lebih banyak syarikat tersenarai di Bursa Malaysia melaksanakan penggabungan dan pengambilalihan, adalah dicadangkan pengecualian duti setem ke atas semua surat cara berkaitan dengannya dilanjutkan selama tiga tahun lagi. Cadangan ini berkuat kuasa bagi penggabungan dan pengambilalihan yang diluluskan oleh Suruhanjaya Sekuriti sehingga 31 Disember 2010 dan pelaksanaan penggabungan dan pengambilalihan selesai selewat-lewatnya pada 31 Disember 2011.

5. Kajian Semula Layanan Cukai ke atas Pelupusan Bangunan kepada Amanah Pelaburan Hartanah



- Bajet 2008 menggalakkan rakyat Malaysia membeli rumah dengan adanya pengecualian duti setem ke atas pembelian rumah kediaman

Bagi menggalakkan pertumbuhan REIT di Malaysia, adalah dicadangkan pelupusan bangunan daripada sebuah syarikat kepada REIT tidak dikenakan kenaikan imbalan berkuatkuasa mulai tahun taksiran 2008.

6. Galakan Cukai bagi Syarikat yang Mengurus Dana Islam

Bagi mempromosi aktiviti pengurusan dana Islam, syarikat tempatan dan asing yang mengurus dana Islam daripada pelabur tempatan dan asing akan diberi pengecualian cukai ke atas semua perolehan yang diterima daripada pengurusan dana tersebut berkuatkuasa mulai tahun taksiran 2008 hingga tahun taksiran 2016.

7. Kajian Semula Layanan Cukai Pendapatan bagi Syarikat Luar Pesisir Labuan

Bagi menyediakan satu layanan cukai yang responsif kepada syarikat luar pesisir Labuan, berkuatkuasa mulai tahun taksiran 2008, adalah dicadangkan syarikat tersebut diberi pilihan supaya pendapatan daripada aktiviti perniagaan luar pesisir dikenakan cukai di bawah Akta Cukai Pendapatan 1967 di samping pilihan sedia ada di bawah Akta Cukai Aktiviti Perniagaan Luar Pesisir Labuan 1990.

8. Layanan Cukai bagi Perusahaan Kecil dan Sederhana

Bagi mengurangkan bebanan aliran tunai PKS yang baru memulakan perniagaan, adalah dicadangkan syarikat PKS diberi fleksibiliti membayar cukai pada akhir tahun kewangan untuk tempoh dua tahun mulai tarikh syarikat memulakan operasi. Layanan cukai ini berkuat kuasa mulai tahun taksiran 2008.

9. Galakan bagi Teknologi Maklumat dan Komunikasi

Bagi memastikan pembangunan ICT yang berterusan, adalah dicadangkan syarikat yang menjalankan aktiviti ICT di dalam *Cybercities* dan *Cybercentres* diberi galakan sebagaimana syarikat bertaraf MSC Malaysia sama ada Taraf Perintis dengan pengecualian cukai sebanyak 100 peratus ke atas pendapatan statutori selama 10 tahun atau Elaun Cukai Pelaburan sebanyak 100 peratus ke atas perbelanjaan modal yang layak yang dilakukan dalam tempoh lima tahun. Cadangan ini berkuatkuasa mulai 8 September 2007.

KESIMPULAN

Sebagai masyarakat peniaga, bajet 2008 seharusnya diterima dengan gembira dan dimanfaatkan sepenuhnya dalam menjana pembangunan ekonomi negara sehingga bajet yang akan datang. 